

06/06/1998

Pandangan Mahathir terhadap BNM

KUALA LUMPUR, Jumaat - Dasar kewangan ketat Bank Negara Malaysia (BNM) mungkin tidak begitu baik bagi negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, beliau tidak semestinya bersetuju dengan dasar kewangan ketat bank pusat itu kerana kadar faedah yang tinggi menyebabkan ekonomi menguncup.

Ekonomi negara ini menyaksikan pertumbuhan negatif 1.8 peratus dalam suku pertama tahun ini.

Beliau bagaimanapun menegaskan, tidak berlaku perbezaan pendapat antara beliau dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai kadar faedah.

"Tidak ada perbezaan antara saya dan Datuk Seri Anwar. Apa yang dia kata ialah apa yang saya beritahu anda sebelum ini," katanya setibanya dari Jepun hari ini.

Ketibaan Perdana Menteri disambut isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Ayob.

Awal minggu ini, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kadar faedah masih kukuh dan tahapnya haruslah ditentukan oleh kuasa pasaran. Bagaimanapun, beliau berkata masyarakat perniagaan merasakan kadar yang ada sekarang terlalu tinggi.

Menjelas lanjut mengenai kadar faedah, Dr Mahathir berkata, kadar faedah berkesan dan kadar faedah pinjaman adalah dua perkara berbeza.

Menurutnya, apabila kadar faedah meningkat ke tahap tertinggi 24 peratus pada Februari lalu dan kemudian turun kepada 16 peratus dan 17 peratus, ia mencemaskan masyarakat perniagaan.

"Masalah kita sekarang bagaimana mengurangkan kos dana bank. Kita sedang cuba mencari penyelesaian supaya kadar antara bank tidak menjejaskan kadar pinjaman," kata Perdana Menteri.

(END)